

04 SEP 1998

UMNO N.SEMBILAN AKAN JELASKAN KEPUTUSAN PECAT ANWAR

PORT DICKSON, 4 Sept (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Negeri Sembilan akan mengadakan majlis penerangan di negeri itu bagi menjelaskan kepada rakyat soal pelucutan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Ketua badan itu, Tan Sri Mohamad Isa Abdul Samad berkata majlis penerangan itu, yang diadakan untuk rakyat serta anggota bahagian dan cawangan Umno, adalah penting bagi mengelak kekeliruan di kalangan rakyat.

Isa, yang juga Menteri Besar Negeri Sembilan, berkata pada perjumpaan para wakil rakyat dan ketua-ketua bahagian semalam, Umno Negeri Sembilan telah menyatakan sokongan penuh dan berdiri teguh di belakang Perdana Menteri dan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Isa yang ditemui selepas melancarkan Bengkel Pemulihan PPRT di Kompleks UNITI Pasir Panjang dekat sini hari ini, juga meminta seluruh rakyat di negeri ini terutama anggota Umno supaya bertenang.

Beliau juga mengingatkan anggota parti mengenai kemungkinan pihak pembangkang mengambil kesempatan daripada isu berkenaan.

Ketika diminta mengulas keputusan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno awal pagi tadi yang memecat Anwar daripada parti, Isa berkata keputusan itu dibuat setelah MT mempertimbangkan semua aspek demi kepentingan parti dan negara, yang melebihi kepentingan yang lain.

-- BERNAMA

AS KHY